

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Fasal (2) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri serta Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri selepas pembentangan di Dewan Rakyat. LKAN yang telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DI DEWAN UNDANGAN NEGERI

BIL.	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	TARIKH PEMBENTANGAN
1.	Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2019 Siri 1	13 September 2021
2.	Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Terengganu Tahun 2019	13 September 2021
3.	Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Terengganu Tahun 2019 Siri 2	15 November 2021
4.	Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Terengganu Tahun 2020	21 Mac 2022
5.	Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2020 Siri 1	25 Julai 2022

Sumber: Minit Persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Bagi tempoh 1 Julai 2021 hingga 31 Ogos 2022, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) telah bermesyuarat satu kali iaitu pada 23 Disember 2021. Mesyuarat diadakan bagi mendengar pembentangan daripada Timbalan Pengarah Audit Negeri Terengganu berkenaan lima LKAN Negeri Terengganu serta kedudukan semasa isu-isu yang dibangkitkan dalam sistem Auditor General's Dashboard. Butiran ringkas mengenai perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuarat adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DI MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

BIL.	LKAN	JABATAN/AGENSI/ SYARIKAT	PERKARA YANG DIBINCANGKAN
1.	Tahun 2018 Siri 2 – Pengurusan Aktiviti Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu	Majlis Perbandaran Dungun	Pengurusan Penyewaan Premis Perniagaan
		Terengganu Inc. Sdn. Bhd.	Primula Beach Hotel Sdn. Bhd.
2.	Tahun 2018 Siri 3 – Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Terengganu	- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Perumahan) - Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	Pengurusan Rumah Mampu Milik Dan Rumah Pangsa Mampu Milik Negeri Terengganu
		- Pejabat Tanah Setiu - Pejabat Tanah Marang - Pejabat Tanah Kemaman - Pejabat Tanah Besut	Pengurusan Lesen Menduduki Sementara
3.	Tahun 2019 Siri 1 – Aktiviti Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu	- Jabatan Kerja Raya Negeri - Jabatan Kerja Raya Daerah Kemaman - Jabatan Kerja Raya Daerah Dungun - Jabatan Kerja Raya Daerah Marang	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri Oleh Syarikat Konsesi
		Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	TTI Management Sdn. Bhd.
4.	Tahun 2019 – Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Terengganu	Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu	Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)
		- Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu - Majlis Bandaraya Kuala Terengganu - Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	Perolehan Secara Pembelian Terus, Sebut Harga dan Rundingan Terus
5.	Tahun 2019 Siri 2 – Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Terengganu	- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri - Pejabat Daerah Kuala Terengganu - Pejabat Daerah Besut - Pejabat Daerah Hulu Terengganu	Program Kemasyarakatan Dan Projek Kecil Pembangunan Dewan Undangan Negeri
		Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	Pengurusan Hartanah Pelaburan

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Terengganu